

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS(2016)
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]
TARIKH : 16 MEI 2016 [ISNIN]

SOALAN :

YB. Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi Tabung Haji untuk mengekalkan pencapaian tahun 2016 di samping menjaga kepentingan 8.23 juta pendeposit di dalam melaksanakan perubahan strategi dengan mencari sumber pendapatan jangka panjang dan keputusan membuat pelaburan.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cabaran ekonomi dunia dan juga dalam negara yang tidak menentu pada tahun 2015, dijangka berterusan sehingga tahun ini. Namun, *TH* terus yakin dan percaya daya tahan dan kedudukannya yang baik mampu untuk terus mendokong amanah dan matlamat penubuhannya. Pengekalan nilai simpanan pendeposit (*capital perservation*) dan pengurusan operasi haji sentiasa menjadi agenda

keutamaan *TH*. Perlu diingatkan bahawa simpanan *TH* adalah berlandaskan Al Wadiah Yad Dhamanah, di mana simpanan pendeposit dijamin oleh Kerajaan.

Dengan keadaan ekonomi yang mencabar dan dengan kos pengurusan haji yang meningkat manakala bayaran menunaikan haji kekal pada tahap 8 tahun lalu iaitu pada kadar RM9,980, maka dijangka ianya akan memberi impak kepada prestasi tahun 2016.

Sekian, terima kasih.